

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : BANGUNAN PLAZA PERANGSANG**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk merencanakan semula aktiviti ekonomi di premis Plaza Perangsang yang dilaporkan merosot sejak penutupan operasi Quality Hotel pada 2014?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : MASALAH SAMPAH HARAM**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan berniat untuk meningkatkan denda maksima kepada mereka yang ditangkap membuang sampah haram?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sememangnya ingin meningkatkan denda maksima kepada individu yang didapati bersalah membuang/melupuskan sampah di tapak pelupusan sampah yang tidak dibenarkan sebagai langkah pencegahan terhadap masalah pembuangan/pelupusan sampah melalui pewujudan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, hasrat ini juga telah dimaklumkan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memohon rundingan perkara tersebut selaras dengan Perkara 79 Perlembagaan Persekutuan yang mengkehendaki Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan sebelum Enakmen tersebut boleh dibentangkan. Selain itu, peruntukan kesalahan dan hukuman yang diperuntukan di dalam Enakmen tersebut juga hendaklah dirujuk dan dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara terlebih dahulu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI COVID 19**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pakej rangsangan ekonomi yang telah di laksanakan oleh Kerajaan Negeri ketika krisis pandemik COVID 19?
  
- b) Apakah perancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk rangsangan ekonomi pada masa hadapan ini?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi impak yang besar kepada ekonomi negara dan Negeri Selangor secara khususnya. Pelbagai langkah telah diambil sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri bagi menangani kesan penularan wabak Covid – 19 ini. Bagi negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif untuk mempertahankan ekonomi negeri daripada terus merundum. Sehubungan dengan itu, suntikan *economic relief* bagi jangka masa pendek telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam kadar segera untuk menangani keadaan ini.

Lantaran itu, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif yang berani dengan melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa I dengan impak kewangan sebanyak RM127.78 juta sebagai perancangan jangka pendek yang berpaksikan kepada tujuan untuk memelihara kesejahteraan rakyat Selangor yang terkesan dengan pandemik tersebut dan untuk memastikan supaya ekonomi negeri masih lagi dipangkin kukuh tanpa jatuh dengan teruk.

Apabila kerajaan mengumumkan PKP disambung lagi bagi fasa kedua bermula pada 1 April 2020, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan melanjutkan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa II dengan melibatkan impak kewangan berjumlah RM272.5 juta. Inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa II ini bersifat lebih menyeluruh dan komprehensif

berbanding Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa I kerana pelaksanaannya mencakupi pelbagai kumpulan sasaran dan merentasi pelbagai aktiviti ekonomi dengan lebih meluas.

Selain itu, Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa II ini juga telah ditambahbaik dengan beberapa lagi inisiatif kerana Kerajaan Negeri ingin memastikan supaya tiada rakyat Selangor yang tercicir dari menerima bantuan Kerajaan Negeri. Anggaran kos keseluruhan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa I dan II serta Fasa II Tambahan melibatkan kos sebanyak RM413.883 juta.

Sejajar dengan pembukaan ekonomi dengan lebih 70 peratus tenaga kerja telah mula kembali bekerja di lapangan, Selangor kini sedang berada dalam kapasiti yang bersedia untuk memasuki ke fasa pemulihan ekonomi. Sebagai pemangkin untuk mengukuhkan dan menstabilkan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Pelan Pemulihan Ekonomi yang akan diumumkan dalam masa terdekat. Pelan Pemulihan Ekonomi ini merupakan pelan *economic recovery* dalam jangka masa panjang yang lebih menumpukan kepada usaha untuk memulihkan semula ekonomi negeri secara beransur – ansur dengan penglibatan dan kerjasama dari pelbagai pihak berkepentingan.

Pelan Pemulihan Ekonomi ini menekankan kepada tiga tonggak utama dalam menangani pandemik ini. Tiga tonggak utama tersebut yang akan diberi penekanan ialah Keselamatan Makanan (*food security*), Kemampanan Ekonomi (*economy sustainability*) dan Pembangunan Kapasiti (*capacity building*).

Pelan Pemulihan Ekonomi ini juga bersifat menyeluruh dan mempunyai capaian kepada semua lapisan dan kelompok masyarakat dalam pelbagai sektor dan pelaksanaannya juga akan mengambilkira faktor ekonomi semasa negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : KOHIJRAH MART**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan untuk menyediakan pelantar peruncitan seperti Kohijrah Mart dan apakah strategi mempromosi produk kepada rakyat?
- b) Berapakah jumlah usahawan yang telah menyertai Kohijrah Mart dan jumlah yang telah berjaya?
- c) Berapakah nilai jualan Kohijrah Mart sejak ditubuhkan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan Rangkaian e-Bekalan Digital Selangor (SELDEC) bagi membantu meningkatkan pendapatan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta pengusaha luar bandar. SELDEC merupakan kerjasama bersama PKNS, PKPS, KOHIJRAH bersama Kerajaan Negeri dan MMAG Holding Berhad bagi mencari usahawan yang berpotensi untuk menyertai program ini. Majlis perasmian dan pelancaran SELDEC serta upacara Penyerahan dokumen kolaborasi antara MMAG Holding Berhad dengan PKNS, PKPS, dan KOHIJRAH telah diadakan pada 3 Oktober 2019 bertempat di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

SELDEC bertujuan menangani isu berkaitan ekosistem rangkaian pengurusan perniagaan dengan memanfaatkan sumber sedia ada, mengurangkan kos kitaran hayat pegangan produk dan mengurangkan isu orang tengah. Sistem itu menjadi lebih mudah sekaligus menjana keuntungan yang lebih baik kepada pengusaha dan usahawan luar bandar. Ia juga memberikan pendapatan sampingan kepada kurier yang menghantar barangan.

SELDEC dikuasakan dengan penggunaan aplikasi digital bagi membantu usahawan dan pengguna menmpah barangan yang diingini secara terus. Bagi fasa awal pembangunan SELDEC, focus adalah untuk meningkatkan kefahaman melalui beberapa sesi taklimat dan latihan yang dihadiri golongan usahawan IKS dari serata Selangor.

Kohijrah Mart turut menggunakan system yang telah disediakan oleh SELDEC.

- b) Jumlah usahawan yang telah menyertai Kohijrah Mart adalah seramai 441 orang dan jumlah yang telah berjaya belum dapat diukur kerana kajian belum dilaksanakan. Sehingga kini, kebanyakan barangan usahawan yang diletakkan di Kohijrah Mart mendapat sambutan pelanggan.
- c) Jumlah anggaran pendapatan bulanan Kohijrah Mart adalah di antara RM 100,000.00 sehingga RM 200,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PUSAT PENYEMBELIHAN UNGGAS**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pembangunan pusat penyembelihan unggas di kawasan sekendi, sabak bernam yang ingin dibangunkan oleh pihak PBT?
- b) Nyatakan kos anggaran pembangunan pusat tersebut?
- c) Apakah jaminan kerajaan negeri supaya pencemaran bau dan kebersihan untuk kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JKR Selangor dalam proses menyediakan dokumen untuk sebut harga bagi tujuan pembangunan pusat penyembelihan halal tersebut.
- b) Jabatan Perkhidmatan Veterina (JPV) menganggarkan kos bagi pembangunan pusat tersebut berjumlah RM1 juta.
- c) Jabatan Perkhidmatan Veterina (JPV) akan melaksanakan SOP *Standard* bagi tujuan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : SURAU AL-AKHLAQIAH DAN KAFU INTEGRASI PINANG TUNGGAL**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah benar Surau Al-Akhlaqiah, Kampung Pinang Tunggal, Petaling Jaya beroperasi di atas tapak yang tidak diwartakan sebagai surau?
- b) Adakah tanah tersebut diwartakan sebagai tapak operasi sekolah agama?
- c) Adakah penggunaan tanah untuk sekolah agama dibolehkan untuk operasi sebuah surau?

**JAWAPAN:**

- a. Ya, Surau Al-Akhlaqiah beroperasi di atas tapak yang tidak diwartakan sebagai tapak surau.
- b. Tidak.
- c. Tapak yang dirizabkan sebagai Sekolah Agama tidak dibenarkan untuk pembinaan surau kecuali menukar status guna tanah kepada warta tapak surau dibuat terlebih dahulu.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ADUAN JALAN BERLUBANG MELALUI APLIKASI WAZE**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah aduan berkenaan jalan berlubang yang diterima melalui aplikasi Waze?
- b) Daripada jumlah itu berapakah yang diselesaikan dalam tempoh seminggu selepas aduan diterima?

**JAWAPAN:**

- a) Semenjak Ogos 2017 sehingga Jun 2020, secara keseluruhan 104,888 pelaporan jalan berlubang di Selangor telah diterima menerusi aplikasi Waze. Berikut adalah pecahan pelaporan tersebut:
  - i. Pelaporan yang telah disahkan dan dalam tindakan sebanyak 23,207 (22.13%)
  - ii. Pelaporan yang telah diselesaikan sebanyak 72,908 (69.51%)
  - iii. Pelaporan baharu diterima tetapi belum disahkan sebanyak 8,773 (8.36%)
- b) Daripada jumlah pelaporan yang telah diselesaikan, sebanyak 49,890 (68.43%) pelaporan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh seminggu selepas menerima aduan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : BANTUAN PEMBANGUNAN USAHAWAN SEMASA PKP**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa usahawan yang mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri semasa PKP?  
Sila senaraikan mengikut Daerah, Sektor, Jantina, Umur dan Kaum.
  
- b) Berapa jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dan berapa jumlah perniagaan yang dapat dijanakan semasa tempoh PKP tersebut?

**JAWAPAN:**

- (a) Kerajaan Negeri telah merangka beberapa insentif dan bantuan bagi mengurangkan impak kepada para usahawan di Negeri Selangor akibat pandemik Covid19. Antara insentif yang diberikan adalah seperti berikut:
  - i. **Bantuan tunai *one-off* RM500.00 kepada peniaga**  
Bantuan ini diberikan kepada peniaga dan penjaja yang berdaftar dengan PBT. Jumlah tanggungan bagi bantuan ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM40 juta.
  
  - ii. **Pengecualian sewa premis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**  
Peniaga yang menyewa di premis PBT diberikan pengecualian sewaan 1 bulan. Jumlah tanggungan bagi bantuan ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM12 juta.
  
  - iii. **Moratorium pinjaman mikrokredit HIJRAH Selangor.**  
Peminjam daripada HIJRAH Selangor diberi penangguhan bayaran pinjaman selama 3 bulan. Jumlah tanggungan bagi bantuan ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM70 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, perincian peminjam mengikut jantina, daerah, sektor, umur dan kaum adalah seperti berikut:

<b>Jantina</b>	<b>Bil Peserta</b>
Lelaki	16,548
Perempuan	22,506
<b>Jumlah</b>	<b>39,054</b>

<b>Daerah</b>	<b>Bil Peserta</b>
Gombak	4,969
Hulu Langat	4,944
Hulu Selangor	1,468
Klang	5,503
Kuala Langat	2,260
Kuala Selangor	3,178
Petaling	9,604
Sabak Bernam	4,399
Sepang	2,729
<b>Jumlah</b>	<b>39,054</b>

<b>Jenis Perniagaan</b>	<b>Bil Peserta</b>
Pemakanan	11,992
Pembekal	14,660
Pemprosesan	602
Penternakan	791
Perkhidmatan	9,027
Pertanian	1,982
<b>Jumlah</b>	<b>39,054</b>

<b>Umur</b>	<b>Bil Peserta</b>
30 tahun ke bawah	6,851
31 – 50 tahun	24,838
51 tahun ke atas	7,365
<b>Jumlah</b>	<b>39,054</b>

<b>Kaum</b>	<b>Bil Peserta</b>
Cina	637
Melayu	35,782
India	2,635
<b>Jumlah</b>	<b>39,054</b>

Berdasarkan statistik, pinjaman mikrokredit HIJRAH dipelopori oleh golongan wanita sejajar dengan usaha kerajaan yang menumpukan

usaha mengangkat martabat golongan tersebut. Perniagaan Industri Kecil Sederhana (IKS) juga dilihat bertumpu di daerah Petaling yang mempunyai pasaran luas bagi produk IKS dalam sektor makanan.

iv. **Selangor Advance**

*Selangor Advance* ialah program yang memberi kemudahan aliran tunai dan modal operasi pembekal/penyedia perkhidmatan yang berurusan dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor, agensi dan kumpulan GLC Selangor sahaja. Kaedah yang dilaksanakan adalah melalui kemudahan pembiayaan pemfaktoran-i. Para pembekal / penyedia perkhidmatan tersebut boleh memohon untuk menyertai program secara atas talian di [www.selangoradvance.com.my](http://www.selangoradvance.com.my) dan boleh mula memohon untuk pembayaran awal atas nilai invoice setelah mendapatkan kelulusan untuk mengambil bahagian.

v. **E-Kitchen atau Platform Selangor (PLATS)**

*PLATS* merupakan platform perniagaan atas talian yang diadakan pada bulan Ramadhan khusus menjual juadah dan makanan pada bulan puasa. Platform ini menggantikan bazar Ramadhan yang acapkali dianjurkan setiap tahun menjelang Ramadhan. Seramai 90 usahawan telah menyertai *PLATS* dan telah mencapai nilai jualan sebanyak RM1.067 juta. Kos penganjuran *PLATS* ADALAH SEBANYAK RM 600,000.

vi. **Selangor E-Bazar Raya bersama Shopee**

Inisiatif Selangor *E-Bazar Raya* dijalankan dengan kerjasama platform atas talian *Shopee* dengan bertujuan menawarkan peluang perniagaan kepada usahawan bagi memasarkan produk secara dalam talian dan menjana sumber pendapatan mereka terutamanya di musim perayaan. Program ini dapat memberi kemudahan kepada orang ramai khususnya untuk mendapatkan keperluan sempena musim perayaan Aidilfitri yang akan tiba seperti kuih muih, barang kelengkapan rumah, pakaian dan sebagainya dengan pilihan yang banyak pada harga yang berpatutan.

Seramai 6,400 usahawan telah menyertai program ini secara percuma. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta dalam bentuk bawcer diskaun dan telah berjaya menjana sebanyak RM8.7 juta *Gross Merchant Value (GMV)*.

b) Keseluruhan implikasi kewangan bagi bantuan usahawan adalah sebanyak RM223 juta yang merangkumi bantuan-bantuan berikut:

- Bantuan tunai RM500.00 kepada peniaga sebanyak RM40 juta,
- Pengecualian sewa premis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebanyak RM12 juta,
- Moratorium pinjaman mikro kredit HIJRAH Selangor sebanyak RM70 juta,
- *Selangor Advance* sebanyak RM100 juta,
- *E-Kitchen / PLATS* dan Selangor *E-Bazar* Raya bersama *Shopee* sebanyak RM1 juta.

Bagi *E-Kitchen / Platform* Selangor (PLATS) dan Selangor *E-Bazar* Raya bersama *Shopee* masing-masing telah menjana jualan sebanyak RM1.07 juta dan RM 8.7 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : STATUS PENINGKATAN MPAJ DARI MAJLIS PERBANDARAN KEPADA  
BANDARAYA**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu MPAJ mencapai status bandaraya?
  
- b) Apakah manfaat akan diperolehi oleh penduduk, peniaga dan pengilang selepas MPAJ bertukar status kepada Bandaraya?

**JAWAPAN:**

- a) MPAJ dalam penyediaan kertas kerja naik taraf bandaraya mengikut maklumat dan format yang ditetapkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Perkara ini juga telah dirujuk bersama Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan bagi penyediaan kertas kerja tersebut.
  
- b) Pelbagai manfaat akan diperolehi oleh penduduk, peniaga dan pengilang selepas MPAJ bertukar status kepada Bandaraya secara langsung dan tidak langsung seperti peningkatan taraf perkhidmatan, pembangunan perbandaran, kemasyarakatan, pelancongan, pendidikan, landskap, pelaburan, infrastruktur dan kemudahan awam, perindustrian, ekonomi, alam sekitar, kesihatan, kebersihan, perniagaan dan lain-lain serta mencapai *Smart* Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KAD KISS**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rasionalnya Kerajaan Negeri membuat permohonan KISS Secara online?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Selcare Management Sdn Bhd kini sedang dalam proses meningkatkan tahap capaian untuk memudahkan permohonan Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) secara dalam talian (*online*). Ianya akan memudahkan pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses permohonan seperti pihak pemohon, Pejabat Khidmat Masyarakat (PKM) dan Selcare Management Sdn Bhd selaku pengendali program ini.

Antara rasional dan kelebihan pelaksanaan permohonan Program KISS secara dalam talian kepada semua pihak terlibat adalah seperti berikut :-

1. Pemohon :

- 1.1 Mempercepatkan proses permohonan terus kepada pihak PKM;
- 1.2 Mengambil masa yang singkat untuk membuat pendaftaran; dan
- 1.3 Memudahkan permohonan dibuat tanpa hadir secara fizikal ke Pejabat PKM.

2. Pejabat Khidmat Masyarakat (PKM)

- 2.1 Mengurangkan isu pertindihan permohonan dan kehilangan borang;
- 2.2 Mempercepatkan tempoh masa memproses pendaftaran permohonan dan semakan untuk kelulusan;
- 2.3 Memudahkan penghantaran permohonan tanpa hadir secara fizikal ke Pejabat Selcare Management Sdn Bhd;
- 2.4 Mengurangkan dan meminimakan penyimpanan borang permohonan yang telah didaftarkan; dan
- 2.5 Memudahkan akses informasi pemohon jika diperlukan dan membuat carian status permohonan.

### 3. Pengendali Program KISS

- 3.1 Mempercepatkan proses pendaftaran ke dalam sistem data permohonan;
- 3.2 Memudahkan urusan mencetak nama penerima di kad KISS; dan
- 3.3 Mengurangkan dan meminimakan penyimpanan borang permohonan yang telah didaftarkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PERTANIAN**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini bidang pertanian berkonsepkan tanaman berpenghasilan tinggi bagi dalam bajet 2020?
- b) Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam sektor pertanian di Negeri Selangor bagi tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa program dan projek pertanian berpenghasilan tinggi seperti mana yang diumumkan dalam belanjawan Negeri Selangor tahun 2020. Antaranya adalah;

Bil	Teknologi	Status
1	Teknologi tanaman menggunakan nutrient film technique (NFT)	Sedang dilaksanakan
2	Teknologi tanaman menggunakan airhydropot	Sedang dilaksanakan
3	Tanaman roselle	Dalam perancangan
4	Tanaman lemon myrtle	Sedang dilaksanakan
5	Tanaman nanas MD2	Dalam perancangan
6	Ternakan ikan kelah dan empurau	Sedang dilaksanakan

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan sokongan kepada sektor pertanian. Jabatan Pertanian menyediakan khidmat nasihat, kursus, latihan dan bimbingan teknikal bagi pakej amalan teknologi pertanian. Petani boleh memohon bantuan dalam bentuk input pertanian seperti baja dan benih, mesin serta peralatan pertanian, penyediaan kawasan dan lain-lain bantuan yang diperlukan. Bagi tahun 2020, jumlah peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut:

Bil	Bentuk/jenis bantuan	Nilai (RM)
1	Benih tanaman	0.5 juta
2	Baja	3.4 juta
3	Infrastruktur asas pertanian	1.7 juta
4	Mesin dan peralatan pertanian	1.3 juta

Petani boleh menghubungi Jabatan Pertanian di daerah masing-masing untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan yang diperlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : SKIM POLIS BANTUAN DI PBT**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan Skim Polis Bantuan di PBT? Apakah tugas utama mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Cadangan Penyerapan Skim Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada Skim Polis Bantuan telah dibincangkan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama wakil Polis DiRaja Malaysia (PDRM) daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor, wakil Kamar Penasihat Undang-undang Negeri dan PBT Negeri Selangor pada 21 Januari 2020.

Berdasarkan mesyuarat tersebut, wakil PDRM daripada IPK Selangor:

- i) berpandangan bahawa cadangan Kerajaan Negeri adalah bertentangan, tidak sesuai dan tidak praktikal dengan konsep Polis Bantuan memandangkan objektif Polis Bantuan tersebut hanya untuk melindungi premis atau aset majikan sahaja; dan
- ii) mencadangkan adalah lebih wajar agar Kerajaan Negeri membantu dan menyokong PDRM dari segi mendapatkan tambahan anggota dengan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor masih meneliti kaedah yang sesuai bagi pelaksanaan Polis Bantuan di PBT memandangkan Cadangan Penyerapan Skim Penguatkuasa PBT kepada Skim Polis Bantuan sukar untuk dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN SELANGOR PRIHATIN 2**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah asas unjuran RM100.7 juta dalam Pakej Rangsangan Selangor Prihatin 2 untuk menerapkan digitalisasi melalui E-Learning, Selangor Advance dan Inisiatif Digital Selangor Grab ?

**JAWAPAN:**

- a) Pembangunan program *e-learning*, Kecairan tunai untuk SME Selangor *Advance* dan Inisiatif Digital Selangor *Grab* adalah merupakan antara inisiatif yang diterapkan pelaksanaannya untuk memangkin ekonomi negeri ke arah yang lebih progresif melalui Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa Kedua.

Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dalam aspek pendidikan rakyatnya. Pendidikan merupakan aspek penting dalam pembangunan modal insan di negeri Selangor yang sedang dipacu untuk menjayakan aspirasi Selangor Negeri Pintar 2025. Dalam usaha untuk merealisasikan aspirasi tersebut, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dan juga Yayasan Selangor telah bersetuju dengan pelaksanaan program *e-learning* yang memberi impak kewangan sebanyak RM700,000.00. Program ini menawarkan program pembelajaran percuma secara interaktif atas talian dan boleh diakses oleh semua murid sekolah di Selangor melalui laman sesawang Selangor Tutor.

Program ini merupakan salah satu wadah dalam memastikan momentum pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid terus kekal sepanjang tempoh PKP. Tempoh program pembelajaran secara *e-learning* ini diaktifkan mulai 3 April 2020 sehingga 31 Mei 2020.

Aplikasi ini boleh diakses dengan mudah melalui pelbagai peranti seperti komputer *desktop*, *notebook*, *tablet*, dan telefon pintar. Lebih daripada 130,000 soalan latihan tubi ditawarkan melalui aplikasi ini dan mematuhi piawaian kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain daripada murid, ibubapa juga boleh mengakses program ini untuk memantau perkembangan pembelajaran anak-anak dari semasa ke semasa.

Sejumlah RM100,000,000.00 pembiayaan ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan meningkatkan kecairan tunai untuk penyedia perkhidmatan/kontraktor SME yang memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) anak syarikat Kerajaan Selangor. Program pembiayaan ini bertujuan untuk mempercepatkan penerimaan tunai daripada pembayaran yang akan diterima dari Kerajaan Negeri, PBT dan anak syarikat. Jumlah minimum bagi pembiayaan ini adalah sebanyak RM10,000.00 dan fasa pertama pelaksanaan program ini dibuka untuk anak syarikat yang bernaung di bawah MBI. Pelaksanaan kaedah pembiayaan ini dilihat dapat memudahkan SME terlibat yang terkesan secara langsung dengan COVID-19.

Inisiatif Digital Selangor Grab pula merupakan inisiatif Digital kerajaan Selangor untuk membantu golongan peniaga membuat jualan secara dalam talian. Sejalan dengan larangan berniaga secara fizikal sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, Kerajaan Negeri memperkenalkan E-Pasar, Bazaar Digital dan Medan Selera Digital sebagai platform perniagaan yang dapat membantu rakyat Selangor mencari rezeki dan secara tidak langsung, dapat menjana ekonomi negeri dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi yang setanding dengan perkembangan arus teknologi semasa. Inisiatif yang dilaksanakan dengan kerjasama Grab Malaysia ini berupaya membantu rakyat Selangor untuk menambah pendapatan mereka dan secara tidak langsung dapat menjana ekonomi Selangor untuk terus kekal mampan sepanjang tempoh PKP.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PELANCONGAN PASCA COVID19**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan dalam menangani fasa pemulihan sektor Pelancongan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah kerugian sektor Pelancongan di Negeri Selangor akibat covid19?
- c) Berapakah jumlah hotel, pusat peranginan atau Pelancongan yang terjejas dan terpaksa ditutup akibat daripada pandemik covid19?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah penggiat Industri Pelancongan Negeri bagi membangun semula industri ini dalam situasi Covid-19 seperti yang berikut:-
  - i) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui bantuan 'one-off' kepada pemandu pelancong/hos komuniti/penyelaras homestay berlesen sebanyak RM1,000.00 seorang, bagi tujuan pnegumpulan duta kecil pelancongan Selangor.
  - ii) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui penerbitan subsidi "Baucar Pelancongan Negeri Selangor" dengan nilai bantuan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00).
  - iii) Penganjuran Kempen Promosi Pelancongan "Pusing Selangor Dulu" yang memberi penekanan kepada pasaran domestik.
  - iv) Aktiviti promosi pelancongan norma baharu melalui penglibatan di dalam program promosi pelancongan yang menggunakan platform digital dan atas talian seperti MITA e-Travel Fair dan MITA "Business to Business" Inbound Marketplace dan penganjuran program promosi Selangor E-Travel Fair dimana Tourism Selangor dapat berhubung dan berinteraksi bagi menyampaikan tawaran-tawaran serta maklumat terkini industri pelancongan di negeri Selangor kepada pihak agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan pihak berkaitan industri pelancongan lain serta para pelancong secara terus tanpa bersemuka

- v) Penganjuran Program Jelajah Persona Negeri Selangor khusus bagi pasaran domestik seperti ke Negeri Johor, Pulau Pinang dan Terengganu.
  - vi) Kempen promosi pelancongan melalui medium pengiklanan '*Outdoor Billboard*', '*Unipole*' dan '*Digital Billboard*' di beberapa kawasan yang terpilih seperti Johor, Kedah, Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang
  - vii) Penganjuran program Familiarization Trip (FAM Trip) yang melibatkan pihak media, agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa
  - viii) Penyediaan pakej pelancongan yang melibatkan integrasi promosi antara 9 Daerah di Negeri Selangor
  - ix) Penganjuran Acara Pelancongan norma baharu yang menekankan SOP (*Standard Operation Procedure*) mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- b) Sehingga kini, tiada data khusus untuk menunjukkan jumlah sebenar kerugian sektor pelancongan kerana ia melibatkan keseluruhan pihak yang terlibat di dalam sektor ini serta pandemik Covid19 ini masih lagi belum berakhir sepenuhnya. Namun begitu, melalui kajian yang dilaksanakan oleh Tourism Selangor perniagaan pelancongan berskala kecil seperti Homestay dan Hos Komuniti mengalami kerugian pendapatan bulanan sehingga RM50,000, agensi pelancongan kehilangan pendapatan bulanan antara RM50,000 hingga RM200,000 manakala pengusaha penginapan pelancongan, taman tema, syarikat penerbangan dan syarikat perkapalan pelancongan mengalami kehilangan pendapatan bulanan antara RM400,000 hingga lebih daripada RM1Juta.
- c) Sehingga bulan Jun 2020 sebanyak 3 hotel yang telah mengesahkan menutup sepenuhnya operasi manakala 2 hotel lagi menutup sementara operasi sehingga hujung tahun 2020 akibat penguatkuasaan PKP dan pandemik Covid19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : HUTAN SIMPAN KEKAL KUALA LANGAT UTARA**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan perkembangan terkini berkenaan dengan masa depan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara pada masa sekarang?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke-30/2019 bertarikh 16 Oktober 2019, seluas ±931.17ha @ ±2,300 ekar kawasan HSK Kuala Langat Utara ini telah diluluskan untuk pembermilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965. Merujuk kepada keputusan ini, kawasan HSK Kuala Langat Utara yang terlibat perlu melalui proses penyahwartaan HSK terlebih dahulu dengan melalui Kaedah Penyiasatan Awam.

Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis yang telah diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 05 Februari 2020 telah dianalisis pada 12 – 13 Mac 2020. Seterusnya, satu sesi pendengaran awam (Town Hall Session) akan diadakan bagi tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan hutan simpan tersebut.

Sepanjang proses penyahwartaan ini, segala bantahan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna terlebih dahulu. Seterusnya, satu Kertas Kerja akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : ISU KERAPNYA PAIP PECAH**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi menangani isu kekerapan paip pecah ini khususnya di DUN Taman Templer khususnya di Kg Selayang Baru dan Kg Selayang Pandang dimana paip air sudah terlalu lama.
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan meluluskan projek penukaran paip tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk tempoh Januari 2017 hingga Disember 2019, bilangan kes paip pecah bagi kawasan Kampung Selayang Baru dan Kampung Selayang Pandang adalah seperti berikut:

Kampung Selayang Baru	: 23 kes (purata 7.6 kes paip pecah setahun)
Kampung Selayang Pandang	: 13 kes (purata 4.3 kes paip pecah setahun)

Bagi mengatasi isu paip pecah di kawasan ini, pihak Air Selangor telah mengambil tindakan membuat pembentukan *District Metering Zone* (DMZ) bertujuan untuk memantau dan mengawal tekanan air di dalam paip secara berterusan bagi mengurangkan berlakunya kejadian paip pecah.

Anggaran akaun di kawasan N.15 Taman Templer adalah sebanyak 11,955 akaun dan untuk mengurangkan kejadian paip pecah, sebanyak 11 DMZ telah dibentuk seperti berikut:

- i) GB.089 FRIM
- ii) GB.081 Selayang Utama
- iii) GB.001 Taman Selayang Jaya
- iv) GB.052 Taman Bukit Idaman
- v) GB.033 Taman Bidara
- vi) GB.098 Taman Prima Selayang
- vii) GB.034 Taman Sri Melati
- viii) GB.042 Selayang Pandang
- ix) GB.075 Selayang Baru Fasa 3

- x) GB.301 Bandar Baru Selayang Zone 2
- xi) GB.114 Bandar Baru Selayang Zone 1

Untuk kejadian paip pecah yang masih berlaku walaupun dengan pelaksanaan kawalan tekanan (kawasan di dalam DMZ), jajaran paip yang terlibat dikenalpasti dan disusun di dalam senarai keutamaan Program Penggantian Paip.

- b) Berdasarkan senarai keutamaan penggantian paip, tiada nama jalan di Kampung Selayang Baru dan Kampung Selayang Pandang yang tersenarai untuk program penggantian paip. Walau bagaimanapun, pihak kami sedang mengkaji dan membuat semakan untuk melaksanakan tindakan-tindakan kawalan sebagaimana yang dinyatakan di atas untuk menyelesaikan isu ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisma Kerajaan Negeri dalam menangani segala permasalahan Sekolah Rendah Agama (SRA) di bawah naungan JAIS yang peruntutannya jauh lebih rendah dari sekolah-sekolah kebangsaan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui JAIS melaksanakan operasi Sekolah Rendah Agama (SRA) dengan menggunakan peruntukan sedia ada dalam aspek berikut:
- 1.1 Bangunan dan Prasarana – Bangunan sedia ada di SRA adalah peruntukan Kerajaan Negeri yang dibina berdasarkan kelulusan dalam RMK yang dirancang. Sebagai contoh sejumlah RM34,537,626.85 telah diperuntukkan bagi tahun 2016 hingga 2020.
  - 1.2 Sumber manusia:
    - 1.2.1 Guru Tetap
    - 1.2.2 Guru KAFA
    - 1.2.3 Kakitangan sokongan di sekolah
  - 1.3 Fasiliti:
    - 1.3.1 Bil utiliti
    - 1.3.2 Kontrak pembersih kawasan
    - 1.3.3 Kontrak pengawal keselamatan
    - 1.3.4 Elaun pembersih kawasan
  - 1.4 Latihan
    - 1.4.1 Menyediakan kursus latihan profesionalisme perguruan yang berterusan
    - 1.4.2 Mewujudkan pusat latihan khas iaitu Pusat Latihan Pendidikan Islam di ILDAS bagi merancang latihan kepada guru-guru JAIS.

- 1.4.3 Kursus kepimpinan sekolah dengan kerjasama Institut Aminuddin Baki (IAB).
  - 1.4.4 Membuka perkembangan kerjaya dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- 1.5 JAIS juga menerima peruntukan daripada badan berkanun dan kerajaan persekutuan secara *one off*, iaitu dari;
- a. Lembaga Zakat Selangor untuk tujuan kerusi dan meja
  - b. Syarikat swasta dan GLC untuk tujuan kemudahan Pelaksanaan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC)
  - c. Kerajaan Persekutuan untuk tujuan baik pulih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : ISU KAJI STRUKTUR TANAH PANGSAPURI TAMAN TELOK GEDUNG  
INDAH**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil lawatan pemeriksaan terperinci bagi mengenalpasti skop pembaikan pada 17/7/2019 oleh pihak JKR Negeri Selangor?
- b) Apakah kerja-kerja pembaikan yang boleh dilakukan bagi menyelesaikan masalah tersebut?
- c) Apakah jaminan pihak Kerajaan Negeri terhadap penduduk bagi menyelesaikan isu ini?

**JAWAPAN:**

- a) Hasil lawatan tapak dan pemeriksaan, berikut adalah skop pembaikan:
  - i) Pihak JKR menjalankan ujian tanah (SI) seperti yang telah disyorkan dalam laporan forensik Jabatan Geoteknik;
  - ii) Kerja pembaikan asas atau permukaan bawah bangunan;
  - iii) Kerja pembaikan kerosakan bangunan melibatkan pembaikan struktur bumbung, sistem pendawaian elektrik dan sistem dalam salur paip buangan;
  - iv) Pihak JKR daerah Klang telah melantik perunding (Perniagaan MHE Extreme) untuk melakukan kerja-kerja penyiasatan tanah beserta ujian makmal di Pangsapuri Telok Gedung Indah;
  - v) Laporan kerja-kerja penyiasatan tanah beserta ujian makmal telah dihantar ke cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Ibupejabat JKR Malaysia bagi menganalisa laporan ujian makmal siasatan tanah tersebut.
  - vi) Selain itu, JKR cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Selangor pula telah membuat kerja-kerja pemeriksaan dan pengesahan berhubung

dengan skop kerja elektrik. Anggaran awal kos bagi skop kerja elektrik adalah sebanyak RM1,450,000.00

- b) Di antara kerja-kerja pembaikan yang dikenalpasti boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:
- i) Pembaikan struktur asas atau tanah;
    - Mengukur kadar mendapan dan menutup bahagian renggangan pada bawah bangunan bagi mengelakkan pembiakan nyamuk dan sarang haiwan liar.
  - ii) Kerosakan pada struktur bumbung;
    - Pembaikan kerosakan melibatkan penggantian kerangka bumbung, siling, gutter, RWDP elektrik dan mengecat.
  - iii) Pembaikan kerja-kerja sistem paip air dalaman;
    - Sistem longkang bangunan dan struktur air buangan
- c) Jaminan kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu mendapan ini adalah seperti berikut:
- i) Memberi bantuan berbentuk peruntukan pembaikan;
  - ii) Sekiranya bangunan didapati tidak selamat, penduduk akan ditawarkan kediaman alternatif oleh Kerajaan Negeri seperti Rumah Selangorku, Skim SMART – Sewa dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : COVID-19**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kerajaan telah memperuntukkan kepada rakyat Selangor yang dijangkiti Covid-19?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setelah program ini dibuka kembali, berapa permohonan yang telah diluluskan?
- b) Nyatakan jumlah kelulusan mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri.
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah peruntukan bagi membolehkan ramai lagi peserta dapat dibantu?

**JAWAPAN:**

Berdasarkan laporan yang diterima daripada Selcare Management Sdn Bhd yang merupakan pengendali kepada program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS), sebanyak 13,791 permohonan telah diluluskan untuk terus menerima manfaat program ini setelah proses pengemaskinian penerima program KISS ini dibuka kembali.

- b) Jumlah kelulusan mengikut kawasan Dewan Negeri Selangor adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>DEWAN NEGERI</b>	<b>KISS</b>
1	N01 SUNGAI AIR TAWAR	175
2	N02 SABAK	332
3	N03 SUNGAI PANJANG	273
4	N04 SEKINCHAN	256
5	N05 HULU BERNAM	165
6	N06 KUALA KUBU BAHARU	180
7	N07 BATANG KALI	265



<b>BIL</b>	<b>DEWAN NEGERI</b>	<b>KISS</b>
8	N08 SUNGAI BURONG	499
9	N09 PERMATANG	364
10	N10 BUKIT MELAWATI	312
11	N11 IJOK	276
12	N12 JERAM	149
13	N13 KUANG	165
14	N14 RAWANG	345
15	N15 TAMAN TEMPLER	289
16	N16 SUNGAI TUA	483
17	N17 GOMBAK SETIA	200
18	N18 HULU KELANG	176
19	N19 BUKIT ANTARABANGSA	304
20	N20 LEMBAH JAYA	190
21	N21 PANDAN INDAH	118
22	N22 TERATAI	142
23	N23 DUSUN TUA	125
24	N24 SEMENYIH	505
25	N25 KAJANG	296
26	N26 SUNGAI RAMAL	264
27	N27 BALAKONG	250
28	N28 SERI KEMBANGAN	57

<b>BIL</b>	<b>DEWAN NEGERI</b>	<b>KISS</b>
29	N29 SERI SERDANG	137
30	N30 KINRARA	140
31	N31 SUBANG JAYA	99
32	N32 SERI SETIA	275
33	N33 TAMAN MEDAN	403
34	N34 BUKIT GASING	31
35	N35 KAMPUNG TUNKU	33
36	N36 BANDAR UTAMA	51
37	N37 BUKIT LANJAN	233
38	N38 PAYA JARAS	368
39	N39 KOTA DAMANSARA	315
40	N40 KOTA ANGGERIK	226
41	N41 BATU TIGA	232
42	N42 MERU	385
43	N43 SEMENTA	311
44	N44 SELAT KLANG	64
45	N45 BANDAR BARU KLANG	266
46	N46 PELABUHAN KLANG	681
47	N47 PANDAMARAN	178
48	N48 SENTOSA	362
49	N49 SUNGAI KANDIS	110

<b>BIL</b>	<b>DEWAN NEGERI</b>	<b>KISS</b>
50	N50 KOTA KEMUNING	262
51	N51 SIJANGKANG	158
52	N52 BANTING	143
53	N53 MORIB	212
54	N54 TANJUNG SEPAT	287
55	N55 DENGKIL	468
56	N56 SUNGAI PELEK	206
<b>JUMLAH</b>		<b>13791</b>

(Sumber : Selcare Management Sdn Bhd)

- c) Sebagai makluman ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2020 Kerajaan Negeri Selangor telah membuat penambahbaikan terhadap bilangan penerima manfaat Program KISS dengan tambahan jumlah penerima sebanyak 5,000 orang berbanding pada tahun 2019. Langkah ini selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 27/2019 yang telah disahkan pada 2 Oktober 2019 yang lalu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM62juta bagi menjayakan pelaksanaan program KISS bagi tahun 2020. Langkah ini penting agar Kerajaan Negeri dapat terus menyantuni golongan wanita ini untuk meringankan beban kewangan dalam memenuhi keperluan asas keluarga.